

17 OCT 1998

ANGGOTA MCA PERLU HARGAI KEPIMPINAN NEGARA, KATA CHUA

JOHOR BAHRU, 17 Okt (Bernama) -- Naib Presiden MCA Datuk Chua Jui Meng meminta setiap lapisan dalam MCA supaya menghargai kepimpinan negara pada masa ini yang dipimpin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, Dr Mahathir sentiasa mengambil berat soal kebajikan dan kehidupan rakyat negara ini dan oleh sebab itu beberapa langkah drastik telah diambil untuk memulihkan keadaan ekonomi negara.

"Kita amat bertuah mempunyai seorang Perdana Menteri yang berpandangan jauh dan mengambil langkah-langkah segera untuk menyelesaikan masalah rakyat terutamanya berkaitan ekonomi," katanya ketika merasmikan Program Khemah Kerja anjuran MCA Bahagian Johor Baharu di sini hari ini.

Chua, yang juga Menteri Kesihatan, berkata kawalan pertukaran matawang, merendahkan kadar faedah serta meningkatkan mudah tunai dalam negeri untuk merangsang ekonomi antara langkah bijak yang ambil Dr Mahathir selaku Menteri Kewangan Pertama.

Jika Malaysia masih terus mengamalkan formula yang dicadangkan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), kadar faedah bukan sahaja akan melambung tinggi malahan banyak peniaga dan usahawan akan gulung tikar, kata beliau.

Beliau juga menasihati anggota parti supaya jangan mudah terpengaruh dengan dakyah yang disebarkan oleh pihak asing mengenai keadaan di Malaysia kerana tujuan mereka ialah untuk mewujudkan ketidakstabilan dan memporak-perandakan negara.

-- BERNAMA

MKO WAT